

Rakyat diminta tidak timbulkan lagi masalah

Oleh Wan Jallani Abdul Razak **BM - 9 APR 2001**

LANGKAWI, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat supaya tidak menimbulkan lagi masalah kepada kerajaan ketika negara dibebani pelbagai masalah.

“Jangan timbul masalah lain kerana kita sudah ada banyak masalah,” kata Perdana Menteri ketika mengulas tindakan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (MTUC) untuk berpiket di seluruh negara.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut MTUC akan berpiket pada 12 Mei ini sebagai membantah apa yang dipanggilnya sebagai “kurangnya sensitiviti kepada kepentingan pencarum” oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

“Terpulang kepada dia orang, kalau dengan cara itu difikirkan dapat membaiki ekonomi negara, teruskanlah,” katanya selepas menghadiri taklimat projek pusat membina dan membaiki pulih kapal layar di Tanjung Lembung di sini.

“Jangan timbul masalah lain kerana kita sudah ada banyak masalah,”

– Perdana Menteri mengulas tindakan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (MTUC) untuk berpiket di seluruh negara

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, piket bukan caranya untuk menyelesaikan sebarang masalah.

Ketika ditanya sama ada beliau akan menemui pemimpin MTUC berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata: “Dia tak minta nak jumpa, (hanya) buat kenyataan (melalui akhbar), susahlah nak jumpa”.

Perdana Menteri juga menyambut baik penjelasan kerajaan Indonesia bahawa kedutaannya melakukan kesilapan dengan menghadiri taklimat tertutup mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

“Kita tidak ada masalah

menerima penjelasan itu kerana kita suka berbaik- baik dengan negara jiran,” katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab yang mengakui diplomat negara itu membuat kesilapan dengan menghadiri taklimat itu.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus membantu memulihkan syarikat bermasalah akibat kesan ekonomi luaran tetapi berdaya maju bagi memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional tercapai.

“Jika usaha itu gagal membantu syarikat terba-

bit menerusi Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), ia akan diteruskan pada Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

“Apabila kita sudah berjaya, kita dapati ekonomi kita banyak yang rosak. Syarikat yang lemah, baru tumbuh, menghadapi banyak masalah dan ada yang dapat kita pulih, ada yang kita tak dapat pulih.

“Ada pihak tertentu, orang asing umpamanya hendak supaya syarikat yang lemah dan menghadapi masalah perlu dibiarkan bankrap, kononnya mereka tak efisien.

“Kerana sebelum pada

ka boleh untung, tapi kalau diserang dengan penurunan nilai mata wang, jangkakan syarikat di Malaysia, syarikat di mana-mana juga yang terbesar di dunia, kalau mata wang dia diturunkan sebanyak 50 peratus dan pasaran sahamnya jatuh, mereka juga akan menghadapi masalah,” katanya.

Dr Mahathir berpendapat masalah yang dihadapi syarikat berkenaan bukan kesalahannya mereka, sebaliknya ia adalah disebabkan orang asing yang mahu mendapatkan keuntungan bagi diri mereka.

“Sebab itu kita cuba

kita. Ada yang kita dapat tolong, ada yang tidak. Saya percaya Business Focus pun ada menghadapi masalah, tapi dapat pulih semula dengan kita dapat menolong supaya dia tak begitu tertekan sangat,” katanya.

Dr Mahathir yang dalam lawatan pertama ke Langkawi sejak diisytiharkan Bandaraya Pelancongan juga berpuas hati dengan kemajuan beberapa projek pembangunan di pulau ini.

Sambil berharap pengendalian alam sekitar turut diambil kira dalam projek pembangunan, beliau mahu lebih banyak pokok

landskap di Langkawi lebih menarik.

“Kita jangan ambil terlalu banyak tanah dan batu daripada Langkawi. Kita beli daripada tempat lainlah kerana kalau kita pokok semua bukit, permukaan akan jadi mendatar, tak menariklah.

“Mungkin kita perlu tanam lebih banyak pokok. Saya syorkan supaya ditanam pokok ‘acacia mangium’ seperti juga pokok jati, boleh digunakan untuk perabot, tumbuh lebih cepat dan mempunyai nilai komersial,” katanya kepada pemberita selepas meninjau beberapa projek